

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR
[CAMERON HIGHLANDS]

TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR [CAMERON HIGHLANDS] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah Kementerian lakukan terhadap tahap imunisasi serta pemakanan bagi komuniti masyarakat Orang Asli di Malaysia untuk mencegah wabak penyakit seperti COVID-19 daripada menular di kalangan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Tahap imunisasi dalam sesuatu komuniti **perlu mencapai sekurang-kurangnya 95% liputan untuk mencapai imuniti kelompok yang dapat melindungi sesuatu komuniti daripada penularan penyakit cegahan vaksin (*herd immunity*)**. Pada tahun 2019, pencapaian imunisasi kanak-kanak Orang Asli untuk vaksinasi DTap, HiB dan Polio sehingga dos ke-3 melebihi 98%, Hepatitis B sehingga dos ke-3 adalah 91.8% dan Mumps, Measles, Rubella (MMR) dos pertama adalah 99.5% dan dos ke-2 adalah 95%.
2. KKM juga telah melaksanakan beberapa langkah untuk meningkatkan pencapaian imunisasi seperti :

- a) **Mengemaskini dan mengukuhkan pangkalan data dan profil kesihatan masyarakat Orang Asli** untuk menjalani aktiviti *tracing* kes-kes tercicir bagi memastikan liputan imunisasi tercapai;
- b) **Penyampaian perkhidmatan kesihatan melalui fasiliti Klinik Statik dan Klinik Bergerak.** Terdapat sebanyak 9 buah Klinik Kesihatan dan 12 buah Klinik Desa yang terletak di dalam perkampungan Orang Asli di Semenanjung Malaysia;
- c) **KKM juga telah menubuhkan 12 Pasukan Bergerak Orang Asli (PBOA)** khusus bagi penyampaian perkhidmatan kesihatan ke populasi Orang Asli di kawasan pedalaman Pahang, Kelantan, Perak dan Johor iaitu selepas pengambilalihan penyampaian perkhidmatan kesihatan daripada pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) pada tahun 2012.
- d) **Perkhidmatan Pasukan Doktor Udara (PDU) telah dibentuk bagi menyampaikan perkhidmatan kesihatan ke perkampungan Orang Asli pedalaman yang sukar dicapai** melalui jalan darat atau air di negeri Perak dan Kelantan. Perkhidmatan Pasukan Bergerak Orang Asli (PBOA) pula memberikan perkhidmatan kesihatan Pesakit Luar termasuk melakukan Saringan Kesihatan dan Penjagaan Kesihatan Ibu dan Anak di Perkampungan Orang Asli di kawasan pedalaman dan pinggiran sekurang-kurangnya setiap empat (4) minggu sekali.

Tuan Yang di-Pertua,

3. KKM juga menjalankan program pemakanan yang dikenali **Program Community Feeding (PCF) di kawasan prioriti Orang Asli (OA) terpilih di negeri Kelantan, Pahang dan Perak.** Program ini mensasarkan aktiviti pencegahan kanak-kanak Orang Asli yang berisiko dan mengalami masalah kurang berat badan dengan pemberian makanan tambahan, multi-vitamin, minyak ikan dan susu 5 kali seminggu. Bagi kanak-kanak yang mengalami kekurangan berat badan, mereka

akan diberi bantuan bakul makanan dan makanan terapeutik (*Ready-To-Eat Therapeutic Food, RUTF*).

4. Berdasarkan pembentangan Belanjawan Negara bagi tahun 2021, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM420 juta untuk menambah baik Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) di sekolah dengan penyediaan bekalan susu setiap hari persekolahan. Kementerian Kesihatan amat menyokong inisiatif ini dan dianggarkan seramai **3,971 orang anak-anak Orang Asli daripada 98 buah sekolah** di seluruh Malaysia akan mendapat manfaat daripada program ini.

5. **Strategi KKM dalam meningkatkan status pemakanan komuniti Orang Asli dan pencegahan penyakit** turut diterapkan melalui pemerkasaan komuniti Orang Asli melalui lantikan sukarelawan sebagai ***Agent of Change*** untuk melaksanakan *Program Community Feeding* dan memberi pendidikan kesihatan serta tunjuk ajar mengenai penjagaan kebersihan diri dan kawasan sekitar, pemakanan keluarga serta kepentingan hadir ke klinik kesihatan untuk rawatan.

6. Bagi mengurangkan risiko jangkitan COVID-19 kepada penduduk komuniti rentan (*vulnerable community*) terutamanya di kawasan pedalaman seperti komuniti Orang Asli pula, **KKM menasihatkan sebarang organisasi atau kumpulan yang ingin menjalankan aktiviti bersama komuniti ini untuk menanggungkan berjumpa dengan penduduk komuniti ini.**

7. Kementerian Kesihatan akan terus memberikan perkhidmatan kesihatan dan perubatan kepada penduduk kawasan pedalaman, termasuk kepada komuniti Orang Asli melalui aktiviti *outreach*. Ia bagi **memastikan kelestarian dan kesinambungan perkhidmatan oleh Kementerian Kesihatan** serta kesejahteraan komuniti Orang Asli dan rakyat Malaysia terus dipelihara termasuk dari COVID-19.

Sekian, terima kasih.